

1. PENDAHULUAN

Penerbitan MyAgriStats 2024 merupakan edisi sulung yang menghimpunkan maklumat berkaitan aktiviti ekonomi dalam sektor pertanian merangkumi subsektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur dan perhutanan & pembalakan. Statistik ini diperoleh daripada data pentadbiran agensi serta Banci Ekonomi 2023 bagi Sektor Pertanian yang merangkumi semua pertubuhan yang diklasifikasikan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0.

Objektif penerbitan MyAgriStats ini adalah untuk membantu pengusaha pertanian merancang strategi pemasaran dan operasi pertanian mereka, serta menjadi panduan kepada bakal pengusaha dalam membuat keputusan terbaik mengenai bidang pertanian yang ingin diceburi.

2. KONSEP DAN DEFINISI

2.1 PERTANIAN

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain-lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

2.1.1 Tanaman merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal merangkumi penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih;

2.1.2 Ternakan merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil dan pembiakbakaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya;

2.1.3 Perikanan tangkapan merujuk kepada aktiviti penangkapan, pemungutan dan pengumpulan organisma hidupan akuatik liar seperti ikan, moluska dan krustasia, termasuk tumbuhan yang terdapat di perairan air tawar atau air masin bagi tujuan komersial;

2.1.4 Akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan organisma akuatik menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi. Ia terdiri daripada empat jenis iaitu air payau, air tawar, ikan hiasan dan baka & benih; dan

2.1.5 Perhutanan & pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak.

2.2 KELUASAN BERTANAM

Luas Bertanam sesuatu tanaman adalah berasaskan kepada Luas Bertanam Tanaman Setara. Luas Bertanam Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Bertanam Tanaman Setara ialah jumlah luas bertanam yang ditanam beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama.

2.3 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai menggunakan konsep yang sama dengan Luas Berhasil Tanaman Setara. Luas Berhasil Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok yang di tuai di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Berhasil Tanaman Setara ialah jumlah luas berhasil yang dituai beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama.

2.4 JUMLAH PENGELUARAN

Jumlah pengeluaran merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti pertanian yang boleh dikeluarkan untuk tujuan jualan.

2.4.1 Jumlah Pengeluaran Subsektor Tanaman

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti tanaman kekal dan tidak kekal. Tanaman kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang lebih panjang dan boleh menghasilkan hasil sepanjang tahun atau untuk beberapa tahun. Jenis tanaman adalah dalam bentuk komoditi, seperti kelapa sawit, getah, koko, lada dan kelapa. Tanaman tidak kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang pendek dan hanya satu atau dua musim sahaja. Jenis tanaman adalah seperti sayur-sayuran dan aktiviti tanaman industri;

2.4.2 Jumlah Pengeluaran Subsektor Ternakan

Merujuk kepada bilangan yang dikeluarkan daripada aktiviti ternakan termasuk kuantiti ternakan atau hasil ternakan yang rugi, kuantiti untuk diproses dan kuantiti yang dijual. Kuantiti pengeluaran meliputi binatang yang digunakan untuk tujuan sembelihan, baka dan ternakan belum matang seperti anak ayam/ kambing/ lembu untuk peliharaan; kuantiti hasil ternakan seperti telur, susu segar dan sarang burung;

2.4.3 Jumlah Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan

Merujuk kepada kuantiti bagi jumlah tangkapan/ pendaratan ikan;

2.4.4 Jumlah Pengeluaran Subsektor Akuakultur

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran akuakultur; dan

2.4.5 Jumlah Pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti berasaskan kayu balak; pengeluaran arang kayu dalam hutan yang menggunakan kaedah tradisional; pembalakan kayu getah; dan ladang hutan/ nurseri yang diukur dalam unit meter padu.

3. PERBANDINGAN PENDEKATAN PENGUMPULAN DATA PERTANIAN ANTARA AGENSI TEKNIKAL

Bagi memahami limitasi sumber data pertanian sedia ada, adalah penting untuk meneliti perbezaan pendekatan pengumpulan data yang digunakan oleh agensi teknikal. Setiap pendekatan mempunyai tujuan, skop liputan, kaedah pengumpulan data yang berbeza mengikut fungsi dan peranan institusi berkaitan. Oleh itu, perbandingan pelbagai pendekatan ini penting untuk menilai tahap keselarasan data dan mengenal pasti jurang maklumat agar rujukan dapat dibuat dengan lebih tepat dan relevan.

Di peringkat teknikal, beberapa agensi utama memainkan peranan penting dalam pengumpulan dan pelaporan data sektoral:

- **Jabatan Pertanian Malaysia:**

Bertanggungjawab terhadap data keluasan bertanam, jenis tanaman, hasil pertanian, serta penggunaan input;

- **Jabatan Perkhidmatan Veterinar:**

Menyediakan data berkaitan populasi ternakan, pengeluaran hasil haiwan seperti daging, susu, dan telur serta Kesihatan haiwan;

- **Jabatan Perikanan Malaysia:**

Mengumpul data berkaitan tangkapan ikan laut, akuakultur, jumlah bot dan nelayan, serta pengeluaran hasil perikanan; dan

- **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia:**

Menyelia data kawasan hutan simpan kekal, pengeluaran hasil hutan (kayu dan bukan kayu), serta pemantauan aktiviti pembalakan dan pemuliharaan.

Data yang dikumpulkan oleh agensi-agensi ini lazimnya berasaskan pelaporan operasi, pendaftaran peserta, pemantauan lapangan dan sistem maklumat agensi masing-masing.

3.1 PERBANDINGAN PENYUSUNAN STATISTIK PERTANIAN OLEH AGENSI UTAMA

Jadual ini membandingkan pendekatan penyusunan statistik oleh agensi-agensi utama sektor pertanian. Pendekatan pengumpulan data melalui Banci Pertanian 2024 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut dipaparkan bagi memberi gambaran jelas terhadap skop, kaedah dan kegunaan data yang dikumpul setiap agensi

Jadual Perbandingan Penyusunan Statistik Pertanian oleh Agensi

Komponen Perbandingan	Jabatan Pertanian	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Jabatan Perikanan Malaysia	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	Banci Pertanian 2024
Fokus Utama	Tanaman makanan, sayur, buah, padi	Ternakan: daging, susu, telur	Perikanan laut, akuakultur, nelayan	Pengurusan hutan, hasil kayu, kawasan simpanan	Semua aktiviti pertanian, ternakan, perikanan, perhutanan kecil
Sumber Data	Petani berdaftar, projek tanaman	Ladang ternakan berlesen, laporan klinik	Nelayan berdaftar, pusat pendaratan ikan	Lesen pembalakan, pemetaan, audit hutan	Responden individu: petani, penternak, pengusaha akuakultur
Kaedah Pengumpulan	Lawatan pegawai, laporan projek	Laporan operasi, bancian ternakan tahunan	e-Nelayan, laporan harian pusat pen-daratan	GIS, imejan satelit, laporan teknikal	Soal selidik banci, temu bual secara bersemuka
Kekerapan Pengumpulan	Bulanan / Tahunan	Tahunan / Berkala	Tahunan / Berkala	Tahunan / mengikut pelan pengurusan hutan	Setiap 10 tahun
Skop Kawasan	Kawasan bertanam aktif	Ladang ternakan aktif	Zon tangkapan, kolam akuakultur	Kawasan Hutan Simpan Kekal, kawasan lesen	Kawasan guna tanah pertanian
Unit Ukuran	Hektar, mt	Ekor, mt	Mt, bilangan bot	Hektar, meter padu kayu	Hektar, ekor, mt, bilangan pengusaha

Jadual Perbandingan Penyusunan Statistik Pertanian oleh Agensi (samb.)

Komponen Perbandingan	Jabatan Pertanian	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Jabatan Perikanan Malaysia	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	Banci Pertanian 2024
Takrifan Kawasan/ Aktiviti	Kawasan yang ditanam pada musim semasa	Temakan hidup di ladang atau rumah ternakan	Kawasan dengan aktiviti tangkapan atau ternakan	Kawasan yang dilesenkan atau digazetkan sebagai hutan	Semua kawasan milik, guna atau diusahakan pertanian
Laporan Meliputi Sektor Tidak Formal/ Tidak Berdaftar	Tidak	Tidak sepenuhnya	Tidak sepenuhnya	Tidak	Ya – termasuk pekebun kecil, pengusahaha tidak berdaftar
Tujuan Utama Data	Pemantauan prestasi tanaman semasa, bantuan	Pemantauan populasi & kesihatan ternakan	Penilaian sumber perikanan & kawalan hasil	Penilaian kelestarian hutan dan pengeluaran kayu	Perancangan dasar nasional, pembangunan luar bandar
Kegunaan Utama	Perancangan pertanian tahunan, geran & subsidi	Pengurusan risiko penyakit, pengeluaran sektor	Pembangunan komuniti nelayan, pengurusan stok ikan	Perhutanan mampan, kawalan lesen dan pemuliharaan hutan	Penilaian struktur sektor pertanian dan impak sosial-ekonomi

4. SIMBOL DAN SINGKATAN

-	: tiada data
%	: peratus
&	: dan
e	: estimate
ha	: hektar
kg	: kilogram
km	: kilometer
m ²	: meter persegi
m ³	: meter padu
mt	: tan metrik
n.a.	: tidak berkenaan
p	: permulaan
samb.	: sambungan
AFP	: <i>Agrofood Park</i>
CPKO	: <i>Crude Palm Kernel Oil</i>
CPO	: <i>Crude Palm Oil</i>
CUP	: <i>Change Upgrade Product</i>
DOA	: <i>Department of Agriculture</i>
DOF	: <i>Department of Fisheries</i>
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
DVS	: <i>Department of Veterinary Services</i>
FAMA	: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FCZ	: <i>Free Commercial Zone</i>
FMD	: <i>Food and Mouth Disease</i>
GAM	: Geran Agropreneur Muda
HS	: <i>Haemorrhagic Septicemia</i>
IADA	: <i>Integrated Agricultural Development Area</i>
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KKB	: Kayu Keras Berat
KKR	: Kayu Keras Ringan
KKS	: Kayu Keras Sederhana
KLIA	: <i>Kuala Lumpur International Airport</i>
KPK	: Kementerian Perlindungan dan Komoditi

KPKM	: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPKT	: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
LCCT	: <i>Low-Cost Carrier Terminal</i>
LKIM	: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LPNM	: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
LSD	: <i>Lumpy Skin Disease</i>
LTA	: Lapangan Terbang Antarabangsa
MAEPS	: <i>Malaysia Agro Exposition Park Serdang</i>
MAQIS	: <i>Malaysian Quarantine and Inspection Services</i>
MARDI	: <i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i>
MR	: <i>Moisture Resistance</i>
MSIC	: <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
MTB	: <i>Main Terminal Building</i>
MyKP	: Mykomuniti Perikanan
ND	: <i>Newcastle Disease</i>
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
PENEGOR	: Persatuan Nelayan Negeri Selangor
PFE	: <i>Permanent Forest Estate</i>
PKPS	: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
PNN	: Persatuan Nelayan Negeri
PPSPA	: Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan
PPVD	: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
PSMK	: Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti
RB51	: <i>Brucella</i>
RM	: Ringgit Malaysia
SPeKS	: Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan
UPM	: Universiti Putra Malaysia
WBP	: <i>Weather and Boiled Proof</i>
WP	: Wilayah Persekutuan

ALAMAT JABATAN PERANGKAAN NEGERI

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor,
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07 - 225 3700
Faks : 07 - 224 9972
E-mel : jpjohor@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak,
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown)
30450 Ipoh, Perak.
Tel : 05 - 255 4963
Faks : 05 - 255 1073
E-mel : jpperak@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.
Tel : 04 - 700 1240
Faks : 04 - 733 8412
E-mel : jpkedah@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis,
Tingkat 1, Bangunan Perodua Kangar,
No. 2, Persiaran Jubli Perak,
01000 Kangar,
Perlis.
Tel : 04 - 976 7381
Faks : 04 - 976 8950
E-mel : jpperlis@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan,
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09 - 7419449
Faks : 09 - 7482142
E-mel : jpkelantan@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03 - 5515 0200
Faks : 03 - 5518 0408
E-mel : jpselangor@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka,
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel : 06 - 252 2725
Faks : 06 - 252 2711
E-mel : jpmelaka@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu,
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09 - 622 3062
Faks : 09 - 622 9659
E-mel : jpterengganu@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan,
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06 - 765 5000
Faks : 06 - 765 5002
E-mel : jpnsembilan@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,
Tingkat 1-3, Blok C, Kompleks Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS,
Beg Berkunci No. 2046, 88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088 - 484 602
Faks : 088 - 484 659
E-mel : jpsabah@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang,
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09 - 516 3931/7
Faks : 09 - 514 4636
E-mel : jppahang@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel : 082 - 240 287
Faks : 082 - 242 609
E-mel : jpsarawak@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
10400, Jalan Anson,
Pulau Pinang.
Tel : 04 - 226 6244
Faks : 04 - 229 9499
E-mel : jpppinang@stats.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Wilayah Persekutuan,
Tingkat 14 & 15, Wisma Sime Darby,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03 - 2267 2400
Faks : 03 - 2274 5075
E-mel : jpwpk@stats.gov.my